




**KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)**

Tingkat 1, 4 - 6, 10, 15 - 18, Wisma Innoprise,  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
88817 Kota Kinabalu, Sabah.  
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541  
Laman Web: [www.sabah.gov.my/mlgh](http://www.sabah.gov.my/mlgh)



KKT&P: 100-4/5/1 (81)

Tarikh: 23 April 2026

Kepada Semua,  
Presiden Majlis Perbandaran Tawau, Sandakan dan Penampang  
Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Sabah

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL. 1/2026  
PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN (ASP) BAGI TAHUN KEWANGAN  
2026**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar mengambil perhatian yang serius terhadap keadah permohonan ASP bagi Tahun Kewangan 2026.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Untuk makluman semua, permohonan Peruntukan Tambahan (ASP) adalah bertujuan untuk menampung perbelanjaan tambahan yang mana telah melebihi Anggaran Tahun yang diluluskan bagi Tahun Kewangan yang **SAMA**.
- 2.2 Pada masa ini, adalah diperhatikan masih terdapat beberapa PBT yang mengemukakan permohonan ASP bagi Tahun Kewangan terdahulu untuk menyelaraskan Perbelanjaan yang telah melebihi Peruntukan Tahunan yang diluluskan. Amalan seperti ini amatlah tidak digalakkan dan telah bercanggah dengan **FILAS (30)** yang mana dengan jelasnya memperuntukan bahawa perbelanjaan yang dilakukan **TIDAK BOLEH** melebihi Anggaran Tahunan yang diluluskan.

.../2-

**“SABAH MAJU JAYA”**

- 2.3 Adalah menjadi tanggungjawab setiap PBT untuk memantau, mengawal dan memastikan Perbelanjaan bagi setiap Vot di bawah kawalan Tuan/Puan tidak lebih dibelanja (Overspent) selaras dengan **FILAS (30)**.

### 3. KAEDAH PENGUATKUASAAN

- 3.1. Semua Permohonan ASP di mana tambahan tersebut tidak dapat ditampung dengan cara Pindahan Peruntukan (Virement), perlu dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk kelulusan.
- 3.2. Semua permohonan ASP hendaklah dikemukakan dalam **4 salinan** dengan menggunakan Borang '**Application for Supplementary Provision**' seperti dalam **FILAS Appendix B**.
- 3.3. **FILAS Chapter II para 25 sehingga 31** mestilah dipatuhi bagi semua permohonan ASP.
- 3.4. Semua permohonan ASP bagi Tahun Kewangan sebelum 2026 **TIDAK** akan dipertimbangkan untuk kelulusan.
- 3.5. Semua permohonan ASP bagi Tahun Kewangan 2026 mesti dikemukakan dan disampaikan ke pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan **PADA atau SEBELUM 28 Ogos 2026**. Permohonan yang lewat diterima **TIDAK** akan di pertimbangkan.
- 3.6. Semua permohonan ASP yang diterima dalam Tahun Kewangan 2026 bagi sesuatu Vot Perbelanjaan **MESTILAH** untuk menampung tambahan perbelanjaan Tahun 2026 **SAHAJA**.

.../3-

**“SABAH MAJU JAYA”**

KKT&P: 100-4/5/1 (81)  
23 April 2026

- 3 -

---

4. **TARIKH KUATKUASA**

Surat ini berkuatkuasa dengan **SERTA MERTA**

5. **PENUTUP**

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan Pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Bahagian Akaun, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk mendapat makluman dan penjelasan lanjut.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK DR. JAMILI NAIS)**  
Setiausaha Tetap

f AC/ry  
220426

**“SABAH MAJU JAYA”**